

# Pengajaran BI dalam Sains, Matematik tetap dilaksana 2003

UM 24 OCT 2003  
KUALA LUMPUR 23 Okt. — Pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tetap akan dilaksanakan di semua sekolah rendah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tahun depan sementara menunggu parti-parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) mencari formula sesuai dalam seminggu ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau bagaimanapun tidak mahu mengulas lanjut isu tersebut tetapi menyerahkan kepada parti-parti Cina berkenaan mencari pendekatan pelaksanaannya di SJKC.

“Kita akan cuba memulakannya di tahun satu (sekolah rendah) tetapi apa yang perlu ialah (parti-parti Cina) mencari formulanya. Saya tak nak cakap lebih tetapi biarkan mereka fikirannya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Beliau mengulas sama ada pelaksanaan dasar bahasa Inggeris itu akan dijalankan di sekolah rendah tahun depan sementara menunggu tempoh seminggu yang diberikan ke-

pada parti-parti Cina berunding dengan pertubuhan-pertubuhan Cina mencari pendekatan sesuai.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam memberi tempoh itu selepas diminta oleh lima parti Cina terbabit untuk berbincang dengan pertubuhan-pertubuhan Cina mengenai pengubahsuaian yang diperlukan untuk SJKC.

Bagaimanapun tempoh yang dipersetujui itu bukan bermakna ada pengecualian terhadap SJKC melaksanakan dasar itu yang bermula tahun depan.